

Rakyat berfikiran kreatif diperlukan dalam K-ekonomi

UM 8 JAN 2002

KUALA LUMPUR 7 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia memerlukan lebih ramai rakyat yang berfikiran kreatif bagi memastikan peralihan negara ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan (K-ekonomi) berjalan lancar.

Perdana Menteri berkata, dengan berfikiran kreatif dan tidak merasa rendah diri, rakyat Malaysia boleh mencipta idea-idea baru yang amat penting dalam K-ekonomi.

“Adalah menjadi satu kepe-

rluan untuk kita percaya bahawa kita boleh berbuat apa sahaja.

“Bila kita sedar bahawa keupayaan kita juga setanding dengan orang lain, maka idea-idea baru akan muncul,” kata Perdana Menteri.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan pelancaran buku *Wings of Creativity* terbitan Institut Teknologi Kreatif Limkokwing (LICT) di Hotel Palace of Golden Horses di sini hari ini.

Buku itu merekodkan seca-

ra praktikal mengenai kesan aplikasi kreativiti terhadap industri, perniagaan, promosi, kempen kerejaan, kebajikan dan kehidupan di Malaysia sejak Dr. Mahathir memimpin negara pada tahun 1981.

Kata Perdana Menteri, usaha LICHT itu akan membolehkan lebih banyak rakyat dapat berkongsi kemahiran dan pengetahuan kreatif yang dibangunkan oleh institut tersebut.

Menurut Dr. Mahathir, Ma-

laysia tidak boleh ketinggalan dalam peralihan kepada K-ekonomi memandangkan banyak potensi yang ditawarkan oleh ekonomi baru itu.

“Kali terakhir berlaku peralihan iaitu kepada ekonomi berasaskan perindustrian dari pertanian, kita tidak berpeluang untuk turut serta kerana kita masih dijajah.

“Hari ini kita melalui satu lagi peralihan iaitu dari perindustrian kepada komunikasi yang memerlukan maklumat dan pengetahuan,” ujar beliau.